# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU 3 OGOS 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br><br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | AGRICULTURE MINISTER: GLUTINOUS RICE PLANTING CAN BRING RM30MIL IN REVENUE IN 3 YEARS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>AGRICULTURE MINISTER: GLUTINOUS RICE COMPREHENSIVE PLAN IMPLEMENTED FOR 3 YEARS CAN BRING, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B4a<br>6,000 TAN METRIK BERAS PULUT MENJELANG 2021, DALAM NEGERI, UM -5<br>PADI PULUT LANGKAWI, NASIONAL, SH -7<br>LAPOR SPRM JIKA WUJUD PENYELEWENGAN, NASIONAL, SH -10<br>RM30 JUTA UNJURAN PULANGAN PROJEK TANAMAN PADI PULUT, NEGARA, KOSMO -15 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7.<br><br>8.<br><br>9.<br><br>10. | PERMIT IMPORT KERATAN AYAM LULUS IKUT PROSEDUR, NEGARA, KOSMO -15<br>KELULUSAN IMPORT KERATAN AYAM IKUT PROSEDUR, DALAM NEGERI, UM -45<br>CHICKEN IMPORT PERMIT TO BE ISSUE AS ACCORDANCE TO PROCEDURE, NATION, CHINA PRESS -A7<br>JPV NAFI DAKWAAN TAK TELUS DAN PILIH KASIH, NASIONAL, SH -11 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 11.<br>12.<br>13. | TANGKAP IKAN TANPA LESEN, SINAR NEGERI UTARA, SH -33<br>DUA DITAHAN GUNA RAWA SORONG, DALAM NEGERI, UM -47<br>CARI SAMPAI KE MARANG, SETEMPAT, HM -22 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 14. | CHILLI IMPORT TERMINATED: PEOPLE'S DEMAND IS NOT AFFECTED, NEWS, TAMIL MALAR -5 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 15. | FAMA CAMPAIGN NETS RECORD SALES OF RM11 MLN, NEWS, BERNAMA -4 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br><br>17. | SUBSIDI BAJA PADI DIJANGKA DIAGIHKAN DALAM JANGKA MASA TERDEKAT, NEWS, SABAH NEWS TODAY -9<br>TAMAN PERTANIAN SABAH AKAN TERUS TARIK PELANCONG: DR DAUD, SEMASA NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -8 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Glutinous rice planting can bring RM30mil in revenue in 3 years | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 200 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,515 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,545 |



## 农长：交怡试跑

# 种糯米3年可赚3千万

**（浮罗交怡2日讯）**农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，政府今日推介的糯米种植计划，预料将在3年内带来3000万令吉收入。

他说，上述计划占地2038公顷，由大马农业研究与发展研究院研发的长糯米品种将占地39公顷。

他今天推介浮罗交怡糯米种植试验计划后对记者说："这个地区（39公顷）是试验计划，让所有农业部属下的机构可以观察这项计划的进展，包括可能发生的灌溉、疾病和肥料使用的问题。

"我们将解决所有问题，最重要的是这项试验计划可以作为下一个计划的参考。农业部放眼3年内（2019年至2021年）可收割6000公吨糯米，带来3000万令吉收入。"

首相兼浮罗交怡国会议员敦马哈迪医生曾表明，希望在浮罗交怡落实糯米种植计划，并成为主要糯米种植地区。

沙拉胡丁说，如果成功落实糯米种植计划，预料我国可减少从邻国进口糯米，目前我国每年进口约3000万令吉糯米。

他指出，为了确保这项计划成功，农业部和相关机构将关注参与者的要求，包括铺平土地，以及在数个地点建造池塘，确保惠及参与者。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister: Glutinous rice comprehensive plan implemented for 3 years can bring | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 59,667 |
| Page No | B4a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 127 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,424 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,272 |




# 农长：糯米综合计划执行 3 年
# 可带来 3000 万令吉收入

（亚罗士打 2 日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，种植糯米综合计划在执行 3 年期间，可带来 3000 万令吉收入。

他说，这项计划从大马农业研究发展局所生产的糯米种子开始，其种子播种在所涉及的 2038 公顷土地的其中 38.963 公顷土地里。

他说，这 38.963 公顷土地是农业及农基工业部为负责的主要机构，会视察及关注发展的情况，比如水利灌溉、疾病及所使用的的肥料上。

"我们会解决完成所面对的问题，最为重要的是这计划能成为下个项目的一项证明，农业及农基工业部预测在 3 年期间（2019 年至 2021 年），能生产 6000 公吨的糯米，带来 3000 万令吉的收入"。

他周五在浮罗交怡热水湖甘榜推介种植糯米计划后在记者会上，如此表示。

此外，沙拉胡丁说，这项计划的成功，预计也能减少依赖来自邻国，一年进




沙拉胡丁。

口达到 3000 万令吉的糯米。

"为了确保这项计划成功，农业及农基工业部与涉及的机构会关注全部事项包括参与者的需求，以便土地平均以及在几个地点建设水库池，为农民带来利益"。

首相敦马哈迪也曾表示，政府欲打造浮罗交怡成为最大的糯米生产地。

出席活动者包括农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙烈胡丁哈山、吉打州农业与农基工业事务委员会主席阿兹曼行政议员等。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# 6,000 tan metrik beras pulut menjelang 2021

**LANGKAWI 2 Ogos** – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengunjurkan kira-kira 6,000 tan metrik beras pulut dapat dihasilkan menjelang 2021 setelah proses penanaman fasa pertama di Pulau Langkawi, kini bermula.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, jumlah pengeluaran itu merangkumi keluasan 2,038 hektar sawah yang dikenal pasti di seluruh pulau peranginan itu yang berpotensi untuk ditanam padi pulut.

Menurutnya, sebagai permulaan, seramai 29 orang pesawah akan terlibat dalam projek rintis tanaman itu di kawasan berkeluasan 38 hektar di Kampung Padang Lalang, Kampung Ayer Hangat dan Kampung Teluk.

"Pelaksanaan projek rintis dalam skala kecil memberi ruang kepada pihak pelaksana untuk mempelajari sebarang kelemahan, kekurangan dan masalah tidak dijangka yang mungkin timbul untuk ditambah baik pada masa tanaman sebenar nanti.

"Penanaman padi pulut di Langkawi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang melalui beberapa fasa pembangunan sebelum diteruskan projek tanaman berskala besar pada saiz yang ekonomik," katanya selepas melancarkan Projek Rintis Tanaman Padi Pulut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd. Sallehhuddin Hassan.



SALAHUDDIN AYUB mengendalikan jentera jentanam dalam majlis Projek Rintis Tanaman Padi Pulut di Langkawi, Kedah, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pelaksanaan tanaman padi pulut itu adalah usaha untuk merealisasikan impian Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ingin melihat petani di Langkawi memperoleh sumber pendapatan yang lebih baik berbanding tanaman padi biasa yang dilaksanakan sekarang.

Dr. Mahathir pada 25 Mei lalu percaya kebergantungan terhadap beras pulut dari negara jiran mampu dikurangkan sekiranya Pulau Langkawi dijadikan pusat pengeluaran terbesar tanaman itu.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, kejayaan pelaksanaan tanaman padi pulut di pulau itu akan turut membantu mengurangkan kos pengimportan padi pulut yang dianggarkan sebanyak RM30 juta setahun ketika ini.

"Bukan itu sahaja, sawah padi pulut yang terbentang luas akan turut menjadi faktor tarikan yang akan menyokong kepada industri agro pelancongan Langkawi selain meningkatkan pendapatan pesawah di sini," katanya.

Sementara itu, ujar beliau, tuaian pertama padi pulut yang menggunakan pulut siding bagi projek rintis tanaman itu dijangka pada November ini.

Katanya lagi, penambahbaikan sistem pengairan di sawah padi, penyediaan infrastruktur baharu seperti jalan ladang, parit dan tali air serta kemudahan jentera terkini antara perkara yang diambil kira dalam projek rintis itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Padi Pulut Langkawi

## *27 pesawah sertai projek perintis MOA*

ROSHILA MURNI ROSLI

LANGKAWI

Seramai 27 orang pesawah dari empat kawasan di Langkawi terpilih terlibat dalam projek perintis penanaman padi pulut yang keseluruhannya seluas 38.963 hektar.

Projek yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) itu melibatkan Kampung Ayer Hangat, Ulu Melaka, Kampung Teluk dan Kampung Padang Lalang.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelaksanaan projek perintis dalam skala kecil itu memberi ruang kepada pihak pelaksana untuk mempelajari sebarang kelemahan atau kekurangan yang timbul.

"Masalah yang timbul itu akan ditambah baik pada masa tanaman sebenar yang akan dilaksanakan pada skala besar meliputi 2,038 hektar menjelang 2021 kelak.

"Penanaman padi pulut ini akan dilaksanakan secara berperingkat yang melalui beberapa fasa pembangunan.

"Kita menjangkakan sebanyak 116 metrik tan padi pulut akan dituai oleh semua peserta November ini," katanya ketika ditemui di program turun padang ke projek pilot Tanaman Padi Pulut di Kampung Ayer Hangat di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin.

Menurutnya, bagi tujuan tersebut buat permulaan benih padi pulut varieti siding yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah disemai di 38.963 hektar daripada 2,038 hektar kawasan yang bakal terlibat dalam projek tersebut.

Pelaksanaan tanaman padi ini adalah usaha untuk merealisasikan impian Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat petani di Langkawi memperoleh sumber pendapatan yang lebih baik daripada tanaman padi biasa yang dilaksanakan sekarang.

"Projek ini dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi di bawah penyeliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan kerjasama jabatan dan agensi MOA.

"Bahkan, MOA sendiri yang menerajui usaha penanaman padi pulut ini dengan memohon peruntukan bagi membangunkan kemudahan infrastruktur, kejenteraan, pengilangan, pemprosesan, pemasaran dan lain-lain.

"Peruntukan yang diperolehi untuk membangunkan projek padi pulut ini akan mengubah industri penanaman padi di Langkawi dengan adanya penambahbaikan pengairan di sawah-sawah padi, penyediaan sesetengah infrastruktur baru seperti jalan ladang, parit dan tali air, kemudahan kejenteraan baru dan lain-lain lagi," katanya.

Salahuddin berkata, kejayaan pelaksanaan tanaman padi pulut di Langkawi akan turut membantu mengurangkan kos pengimportan padi pulut yang dianggarkan sebanyak RM30 juta setahun.

Terdahulu, Salahuddin turut mengadakan dialog bersama peserta-peserta yang berkongsi pandangan mereka tentang tanaman perintis ini.

Kebanyakan mereka menyahut baik cadangan kerajaan itu dan berharap tanaman padi pulut akan meningkatkan pendapatan mereka berbanding padi biasa sebelum ini.



Salahuddin menyempurnakan gimik proses penyemaian benih padi pulut jenis siding di Kampung Ayer Hangat semalam.



Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (kiri) mendengar penerangan tentang penanaman padi pulut Langkawi.





Salahuddin beramah mesra dengan pesawah yang terlibat dalam projek rintis terbabit.

## REAKSI PESAWAH



"Saya rasa sangat gembira dan bersyukur kerana terpilih untuk mengikuti projek *pilot* ini. Saya lihat melalui tawaran ini, ramai anak muda yang turut berminat untuk menceburi bidang tanaman padi ini sebagai salah satu punca rezeki."

**- Munir Kasa, 37.**



"Saya mula buat bendang sejak 1975 lagi. Apabila Perdana Menteri umum nak tanam padi pulut di Langkawi ini saya sangat gembira sebab ia dapat menjadi punca pencarian kami yang baru selain mengurangkan kos import padi pulut yang ditanggung kerajaan."

**- Nordin Napiah, 64.**



"Sebelum ini saya tanam padi biasa sahaja. Bila dapat tawaran untuk tanam padi pulut ni, saya terima dengan hati terbuka dengan harapan tanaman padi pulut ini berjaya dan akan meningkatkan pendapatan saya."

**- Mohd Zuki Ramli, 60.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Lapor SPRM jika wujud penyelewengan

**LANGKAWI** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak akan menghalang nelayan atau pihak tertentu membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mendapati wujudnya penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dalam sektor berkenaan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, SPRM juga bebas menjalankan siasatan dan pihaknya tidak akan menghalang tugas pegawai penguat kuasa.

Katanya, beliau juga sedia membantu pihak penguat kuasa memandangkan MOA sangat menekankan budaya kerja telus.

"Itu polisi yang saya bawa dalam kementerian, jika ada apa-apa (isu) mereka berhak melaporkan kepada pihak berwajib. Ini yang kita perlukan untuk meningkatkan integriti di MOA," katanya ketika ditemui pada program turun padang ke projek pilot Tanaman Padi Pulut di Kampung Ayer Hangat di sini semalam.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail menyarankan SPRM memantau sektor perikanan negara bagi memastikan sektor itu bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa.



**Salahuddin menyemai anak benih padi menggunakan jentera Jentanam atau Transplanter selepas menyempurnakan majlis pelancaran Pilot Projek Tanaman Padi Pulut Langkawi yang melibatkan 27 peserta di Kampung Ayer Hangat semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# RM30 juta unjuran pulangan projek tanaman padi pulut



BEBERAPA pesawah melihat benih padi pulut varieti Siding pada pilot projek di Kampung Ayer Hangat, Langkawi semalam.

**LANGKAWI** – Projek tanaman padi pulut secara bersepadu yang dilancarkan semalam diunjurkan memberi perolehan sebanyak RM30 juta dalam tempoh tiga tahun pelaksanaannya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, buat permulaan, benih padi pulut varieti Siding yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) disemai di 38.963 hektar daripada 2,038 hektar kawasan yang bakal terlibat dalam projek tersebut.

"Kawasan seluas 38.963 hektar ini merupakan projek perintis, oleh itu semua agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang terlibat akan memantau dan memberi fokus bagi melihat perkembangan serta mungkin halangan seperti masalah pengairan, penyakit dan penggunaan baja.

"Kami akan selesaikan semua permasalahan secara tuntas dan diharap projek pilot ini dapat memberikan testimoni kepada projek seterusnya. MOA unjurkan dalam tempoh tiga tahun (2019-2021) sebanyak 6,000 tan metrik padi pulut dapat dituai dan memberi pulangan sebanyak RM30 juta," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pelancaran Pilot Projek Tanaman Padi Pulut Langkawi melibatkan 27 peserta di Kampung Ayer Hangat di sini semalam. – Bernama

# Permit import keratan ayam lulus ikut prosedur

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menafikan pihaknya tidak mengikut prosedur berhubung kelulusan pemberian permit pengimportan keratan ayam untuk tujuan pemprosesan tambah nilai.



QUAZA

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, kelulusan permit import hanya diberikan kepada syarikat pengusaha produk tambah nilai hasilan ayam yang mematuhi prosedur ditetapkan JPV.

Antaranya memiliki loji dan kilang bagi memproses keratan ayam tersebut untuk dijadikan produk hiliran lain seperti burger serta sosej.

Pemohon yang memenuhi syarat ditetapkan kemudiannya akan dirujuk kepada jawatankuasa di peringkat jabatan dan kementerian sebelum dibawa kepada perhatian Ketua Setiausaha Kementerian untuk tindakan lanjut.

"Berdasarkan syor jawatankuasa itu yang terlebih dahulu turun membuat tinjauan di lapangan, Ketua Setiausaha Kementerian akan membuat keputusan sama ada permohonan itu diluluskan atau ditolak," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai dakwaan pihak tertentu yang disebarkan melalui media sosial sejak minggu lalu yang antara lain mendakwa JPV tidak telus, hanya memberi permit import kepada syarikat tertentu. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 45 |



# Kelulusan import keratan ayam ikut prosedur

**Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA 2 OGOS**

PROSES kelulusan pengimportan keratan ayam ke negara ini dilakukan secara teliti dan rapi mengikut prosedur seperti mana ditetapkan kerajaan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam menjelaskan, para pemohon hendaklah melalui beberapa proses dan memenuhi syarat seperti mempunyai loji dan kilang memproses keratan ayam tersebut.

"Selain itu, pematuhan syarat-syarat ditetapkan akan dikemukakan kepada tiga jawatankuasa di peringkat jabatan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kelulusan.

"Jawatankuasa terakhir sekali yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membuat keputusan sama ada mereka lulus atau sebaliknya," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sehubungan itu, menurut Quaza Nizamuddin, pihaknya menafikan tuduhan sesetengah pihak yang mendakwa proses itu tidak mengikut syarat dan wujudnya salah laku terhadap kaedah permohonan.

Katanya, semua proses permohonan dibuat secara ketat dan teliti termasuk mengenal pasti kemampuan pemohon mampu memproses keratan ayam atau sebaliknya.

"Hal ini ekoran dakwaan tular di laman sosial yang mendakwa wujudnya pilih kasih terhadap proses ini sekali gus menimbulkan persepsi negatif kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya.

Pada masa sama, Quaza Nizamuddin menjelaskan, industri pengimportan keratan ayam bertujuan untuk keperluan sektor hiliran seperti penghasilan sosej, burger dan nuget bagi tujuan pasaran tempatan serta antarabangsa.

Katanya, negara mengimport keratan ayam dengan nilai RM468 juta dan sekali gus berjaya mendatangkan pulangan sehingga RM730 juta setahun.

"Sehingga kini, kerajaan telah meluluskan 62 daripada 138 syarikat yang memohon dalam industri ini manakala bakinya tidak dapat diluluskan kerana gagal memenuhi kriteria ditetapkan," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chicken import permit to be issue as accordance to procedure | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A7 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,979 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,937 |



# 獸醫局｜雞肉入口准證 遵守程序審批

（布城2日讯）兽医局总监拿督华查尼查慕丁否认，该局没遵守程序去审批鸡肉入口准证。

他强调，该入口准证只会发放给有遵守该局制定程序的申请者，包括拥有滤水设备和将鸡肉加工为下游产品的工厂。

华查尼查慕丁今日召开记者会时说，符合指定条件的申请，将被提交给该局和农业部的委员会，随后再提呈给部门秘书长，以作进一步审核。

他指出，首先委员会将在实地考察后提出建议，随后农业部秘书长将决定，是否批准申请者取得准证。

社交媒体早前流传消息，有者指控兽医局并不透明化，仅发放入口准证给特定公司，甚至还有公司还取得额外的固打。

华查尼查慕丁强调，该局认真看待所有审批程序并严谨执行，包括会确保申请者有能力处理鸡肉，而非只是个人所用。

他说，取得准证者，仅被允许从国外入口50%的鸡肉，而其他则需要使用本地鸡肉。

他提及，基于国际和本地市场的高度需求，入口鸡肉行业对下游产品如香肠、汉堡和鸡肉块的生产持续增加。

“我国去年共入口4亿6800万令吉的鸡肉，在加工后，带来7亿3000万令吉的利润。”

他说，截今，在138家申请入口准证的公司中，其中62家获批。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# JPV nafi dakwaan tak telus dan pilih kasih

**KELULUSAN IMPORT KERATAN AYAM**

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menafikan dakwaan bahawa prosedur permohonan kelulusan import keratan ayam dilakukan secara tidak telus dan pilih kasih seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, permohonan diluluskan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan mengikut dasar sedia ada oleh Kementerian Industri Asas Tani.

"Prosedur meluluskan dilaksanakan secara telus dan teliti membabitkan pelbagai saluran. Semua pihak perlu memahami import keratan ayam hanya dibenarkan untuk tujuan industri pemprosesan bukan jualan sebab bekalan ayam dalam negara sudah cukup.

"Sasaran kita adalah memberi kelulusan kepada pemohon yang menjalankan pemprosesan, kalau tidak, apa yang mereka hendak buat dengan ayam itu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Minggu lalu, tular di media sosial dan aplikasi WhatsApp dakwaan yang mengatakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak telus dalam memberi kelulusan terhadap permohonan import keratan ayam.

Quaza Nizamuddin berkata, setiap pemohon perlu memiliki loji pemprosesan untuk mendapat kebenaran dan kelulusan kementerian.

Beliau turut menafikan dakwaan terdapat monopoli pembekal keratan ayam yang diimport ke Malaysia.

"Tidak ada monopoli malah nama loji itu semua dipaparkan di laman web kementerian dan tidak disembunyikan," katanya

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI UTARA | 33 |

# Tangkap ikan tanpa lesen

**PARIT BUNTAR** - Seorang lelaki berusia 19 tahun ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) semalam selepas didapati menangkap ikan menggunakan peralatan rawa serong kira-kira 2.5 batu nautika di barat laut Pulau Pasir Hitam berhampiran Bagan Panchor, semalam.

Pemangku Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Leftenan Maritim Safril Aza Mustapa berkata, lelaki yang juga awak-awak itu ditahan bersama tekong bot berusia 27 tahun ketika rondaan di perairan Kerian dan Larut Matang kira-kira jam 11 malam.

Menurutnya, bot yang digunakan juga tiada nombor pendaftaran selain gagal mengemukakan lesen daripada Jabatan Perikanan.

"Mereka dibebaskan dengan jaminan polis manakala peralatan dianggarkan bernilai RM30,000 dirampas untuk siasatan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 47 |



BOT dan peralatan menangkap ikan dianggar bernilai RM30,000 yang dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di Pulau Pasir Hitam berhampiran Bagan Panchor, Perak, kelmarin.

# Dua ditahan guna rawa sorong

**PARIT BUNTAR 2 Ogos** - Dua lelaki termasuk seorang awak-awak berusia 19 tahun ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kerana didapati melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat rawa sorong di barat laut Pulau Pasir Hitam berhampiran Bagan Panchor, semalam.

Pemangku Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Leftenan Maritim Safril Aza Mustapa berkata, remaja dan tekong berusia 27 tahun itu ditahan sepasukan anggota Maritim Malaysia yang melakukan rondaan di perairan Kerian dan Larut Matang kira-kira pukul 11 malam.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, bot berkenaan tidak mempunyai nombor pendaftaran dan tiada memiliki lesen menangkap ikan yang sah daripada Jabatan Perikanan.

"Kedua-dua lelaki itu bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan polis selepas rakaman percakapan mereka diambil.

"Sementara itu, bot dan beberapa peralatan lain yang dianggarkan bernilai RM30,000 dirampas bagi tujuan siasatan di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Safril Aza meminta orang ramai turut sama membantu menyalurkan maklumat berhubung sebarang kegiatan jenayah dan kes kecemasan di laut agar tindakan penguatkuasaan dapat diambil.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/8/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 22 |




MOHD Awalluddin Adam, 51, (kanan) bapa kepada Mohd Firdaus bertanya kepada pihak berkuasa berhubung operasi pencarian anaknya di Jeti Kampung Rajawali Pulau Serai.

3 PEKERJA RESORT HILANG

# CARI SAMPAI KE MARANG

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

**Dungun**

Cuaca berjerebu serta ombak dan arus yang kuat antara cabaran utama operasi pencarian tiga pekerja resort yang hilang di perairan Pulau Tenggol, dekat sini, Rabu lalu.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) memperluaskan radius pencarian dalam operasi yang masuk hari kedua semalam, merangkumi kawasan pencarian hingga ke perairan Kemaman dan Marang.

Menurutnya, operasi pencarian membabitkan 66 anggota terdiri daripada APMM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Pasukan Polis Marin.

"Enam aset (APMM) digerakkan dalam pencarian itu. Kita turut dibantu tiga bot resort, sebuah bot Jabatan Perikanan, dua bot polis dan empat bot nelayan.

"Selain operasi pencarian di tengah laut, operasi juga ditumpukan di sekitar pulau-pulau kecil seperti Pulau Nyireh, Pulau Tokong Burung dan Pulau Tokong Daik," katanya.

Rashidilhadi berkata, keadaan cuaca yang berjerebu serta ombak dan arus yang kuat mengganggu operasi pencarian.

"Biarpun belum mendatangkan hasil operasi akan terus dipertingkatkan sehingga semua mangsa ditemui," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha-Pengusaha Perikanan Laut Dalam Pantai Timur (PELAUD), Datuk Seri Mohd Zakaria Nawang berkata, pihaknya mengarahkan semua bot nelayan di sekitar kawasan terbabit membantu pihak berkuasa mengesan mangsa semalam.

"Selain itu, kita turut meminta pengusaha di Kelantan dan Pahang bagi tujuan sama.

"Kita minta mereka yang menemui mangsa atau bot mangsa termasuk barangan yang terapung agar segera menghubungi pihak berkuasa.

"Setakat petang ini, laporan yang kami terima tidak menemui sebarang petunjuk," katanya.

> **FAKTA**
> Selain operasi pencarian di tengah laut, operasi juga ditumpukan di sekitar pulau-pulau kecil

Dalam kejadian Rabu lalu, bot pelancong dinaiki dua pemandu bot pelancong serta seorang pekerja resort tidak sampai ke resort Pulau Tenggol selepas berlepas dari jeti Kampung Rajawali Pulau Serai jam 12 tengah hari.

Fauzi Mohamad, 40, Muhammad Firdaus Mohd Awalluddin, 25, dan Mohamad Hafiz Abd Rahim, 22, dalam perjalanan menghantar bekalan makanan ke resort terbabit.

Kehilangan ketiga-tiga mereka menyebabkan pihak pengurusan resort membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun jam 4 petang.



BOT Kilat 2 APMM terbabit dalam gerakan mencari dan menyelamat tiga pekerja resort yang dikhuatiri hilang di perairan Pulau Tenggol.

| Headline | Chilli import terminated: People's demand is not affected | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 5 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 170 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 874 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,621 |



# மிளகாய் இறக்குமதி நிறுத்தம்: மக்களின் தேவைக்கு பாதிப்பு இல்லை



ஜெலுபு, ஆக. 3–

விவசாயம் மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த அமைச்சு வியட்நாமிலிருந்து இறக்குமதி செய்யப்படும் பச்சை மற்றும் சிவப்பு நிற மிளகாயை நிறுத்தியுள்ளது. இறக்குமதி நிறுத்தப்பட்டதால் மக்களின் தேவையை அது பாதிக்கவில்லை என்று நெகிரி செம்பிலானின் விவசாயம் மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த ஆணைப்த் தலைவர் பக்ரி சாவிர் தெரிவித்தார்.மிளகாய் பயிரீட்டாளரும் விற்பனையாளரும் மிளகாய் தட்டுப் பாடு ஏற்படவில்லை என கூறியுள்ளனர். நெகிரி செம்பிலானில் 456 டன் மெட்ரிக் மிளகாய் அறுவடை செய்யப்படுகிறது. முன்பு ஒரு சமயம் மிளகாய் தட்டுப் பாடு ஏற்பட்டது. மிளகாய் இறக்குமதி நிறுத்தப்பட்ட முதல் மூன்று மாதத்திற்கு மிளகாய் பயன்பாடும் அதன் தேவையும் எவ்விதம் இருக்கிறது என்றும் அதற்கான மாற்று முயற்சி நடவடிக்கைகள் மேற்கொள்ளப் படும் என்றும் அவர் கூறினார்.மிளகாய் இறக்குமதி நிறுத்தம் மிளகாய் பயரீட்டாளர்களுக்கு ஒரு நற்செய்தி. இதன் வழி அவர்களின் வருமானமும் மிளகாய் பயிரீடும் அதிகரிக்க வாய்ப்புகள் நிறைய காணப்படும் என்றும் அவர் தெரிவித்தார்.

வரும் ஹஜி பெருநாளை முன்னிட்டு மக்களின் பயன்பாட்டிற்கு தேவையான மிளகாய் சந்தையில் இருப்பதை அரசாங்கம் உறுதி செய்யும். இதற்கு முன்னர் பக்ரி சாவிர் கம்போங் செனானவில் டுரியான் தோட்டத்தைப் பார்வையிட்ட பின்னர் நிருபர்களிடம் பேசினார்.

மிளகாய் உற்பத்தியும், மக்களின் தேவைகேற்ப சந்தைகளில் இருப்பதை ஃபாமா FAMA உறுதி செய்யும் என்று பக்ரி குறிப்பிட்டார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | FAMA campaign nets record sales of RM11 mln | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# FAMA campaign nets record sales of RM11 mln

GEORGE TOWN, Aug 3 (Bernama) -- The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) recorded sales of RM11 million in the first half of this year through its 'My Best Buy (MBB) 2.0" programme, the highest ever for the corresponding period in the past five...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Subsidi baja padi dijangka diagihkan dalam jangka masa terdekat | | |
| MediaTitle | Sabah News Today (www.sabahnewstoday.com) | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 9 | Readership | 2 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Subsidi baja padi dijangka diagihkan dalam jangka masa terdekat

Oleh Mohd Nazllie ZainulKOTA KINABALU: Pemberian subsidi baja padi kepada pesawah di negeri ini akan diagihkan dalam masa terdekat.
Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Dr Daud Yusof berkata tender daripada Pertubuhan Peladang Kebangsa...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| Headline | Taman Pertanian Sabah akan terus tarik pelancong: Dr Daud | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 03 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Semasa | Circulation | 11,025 |
| Page No | 8 | Readership | 33,075 |
| Language | Malay | ArticleSize | 547 cm² |
| Journalist | RIZALM: Li MAN | AdValue | RM 3,030 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 9,089 |


[redacted]



CENDERA HATI... Jain (tengah) ketika menyampaikan cenderahati kepada Dr. Daud (kanan) selepas merasmikan majlis itu.



TERBAIK... Dr. Daud, Jain dan yang lain merakamkan kenangan pada pondok pameran hiasan pada Pesta Bunga tersebut sambil menunjukan isyarat bagus.

# Taman Pertanian Sabah akan terus tarik pelancong: Dr Daud

**OLEH RIZALMI LIMAN**

**TENOM: Taman Pertanian Sabah (TPS) satu-satunya yang terdapat di negeri ini yang terletak di Lagud Sebrang Tenom akan mengambil bahagian dengan aktif dalam menarik lebih ramai pelancong pada Tahun Melawat Malaysia 2020.**

Pembantu Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Sabah, Dr Daud Yusof berkata, TPS yang terletak di Tenom itu, kini dalam usaha untuk menaik taraf, membaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan mencantikkan lagi TPS agar dapat menarik lebih ramai pelancong ke taman pertanian itu pada tahun hadapan.

"Dalam perancangan kita pada Tahun Melawat Malaysia 2020, saya yakin dan percaya bahawa TPS sudahpun berusaha untuk membuat promosi dan melaksanakan usaha-usaha untuk mencantikkan taman ini agar ianya lebih menarik dengan berkonsepkan alam semula jadi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Pesta Bunga Taman Pertanian Sabah 2019 bagi mewakili Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Sabah, Datuk Wong Hong Jun @ Junz, di Taman Pertanian Sabah, di sini kelmarin.

Manakala katanya, berkenaan perancangan pembinaan cawangan TPS untuk tumbuhan tanah tinggi yang akan dibina di Kundasang, Ranau akan dilaksanakan bermula pada tahun hadapan.

Sementara itu, menurut Pengurus Taman Pertanian Sabah, Jain Linton, antara usaha TPS pada Tahun Melawat Malaysia 2020 ialah TPS bersama dengan pangusaha-pengusaha pelancongan di daerah ini, bekerjasama dengan Persatuan Pelancongan Daerah Tenom untuk mempakejkan tempat-tempat menarik ini agar ianya mudah dikunjungi oleh para pelancong yang datang ke daerah ini.

Selain itu katanya, TPS juga akan mengekalkan tiga program besar tahunan TPS iaitu Karnival Ulang Tahun yang dilaksanakan pada bulan Mac, Pesta Bunga pada Ogos dan Bah Ke Taman Kita pada bulan Disember.

"Namun, sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, TPS akan melaksanakan pelbagai aktiviti tambahan yang akan diadakan pada setiap bulan sepanjang tahun 2020 dan akan menguar-uarkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara datang ke TPS ini untuk menyertai atau menyaksikan pelbagai aktiviti pada setiap bulan dan program besar tahunan TPS.

"Ini merupakan perancangan dan usaha TPS yang akan dilaksanakan sempena menyambut Tahun Melawat Malaysia 2020," jelasnya.

Oleh itu katanya, TPS menyasarkan seramai 28 ribu hingga 30 ribu purata pengunjung akan melawat ke TPS pada Tahun Melawat Malaysia 2020 berbanding sebelum ini purata pengunjung ke TPS adalah seramai 23 ribu setahun.

Hadir sama pada program itu Pegawai Daerah Tenom, Sungkim Rumangun; Timbalan Pengarah Pertanian Bahagian Pembangunan, Dzulkifli Haji Ghulamdin; Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan, Muhidin Haji Ismail dan Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan, Chong Tan Chun

Powered by: isentia